

Aplikasi Kaedah Analisis Lafaz yang Diambil Kira dari Sudut Kaedah Petunjuk pada Makna dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam

BITARAVolume 4, Issue 4, 2021: 063-076
© The Author(s) 2021
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

Application of Word Analysis Method From the Perspective of Indicative Method on Meaning in Islamic-Based Research Methods

Kasimah Kamaruddin¹ & Nur Sakiinah Ab Aziz^{1*}

Abstrak

Kaedah analisis lafaz yang diambil kira dari sudut petunjuk pada makna merupakan salah satu kaedah usuliyat al-lughawiyat dalam ilmu usul al-fiqh yang telah digunakan oleh ulama sebagai garis panduan menganalisis sesuatu hukum dalam Islam. Persoalannya, apakah kaedah analisis lafaz yang diambil kira dari sudut petunjuk pada makna dalam ilmu usul al-fiqh menurut Mazhab Hanafi? Bagaimanakah kaedah lafaz yang diambil kira dari sudut petunjuk pada makna berfungsi sebagai analisis hukum kaedah penyelidikan berteraskan Islam (KPBI)? Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kaedah lafaz yang diambil kira dari sudut petunjuk pada makna menurut Mazhab Hanafi. Seterusnya mengaplikasi kaedah analisis lafaz yang diambil kira dari sudut petunjuk pada makna dalam analisis hukum KPBI. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif dengan mengumpul dokumen-dokumen berkaitan kaedah analisis lafaz yang diambil kira dari sudut petunjuk pada makna menurut Mazhab Hanafi yang terdapat dalam kitab-kitab usul al-fiqh. Kesemua data-data ini dianalisis menggunakan kaedah mafhum iaitu dengan menganalisis data menggunakan kaedah tersurat dan tersirat yang berkaitan kaedah lafaz yang diambil kira dari sudut kaedah petunjuk lafaz pada makna. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa, lafaz yang diambil kira dari sudut kaedah petunjuk lafaz pada makna menurut pendapat Mazhab Hanafi terbahagi kepada empat jenis iaitu '*ibarat al-nas, isyarat al-nas, dilalat al-nas* dan *dilalat iqtida*'. Keempat-empat jenis ini sesuai dijadikan kaedah analisis hukum KPBI.

Kata kunci:

Kaedah petunjuk lafaz pada makna, kaedah penyelidikan berteraskan Islam.

Abstract

The method of word analysis that is taken into account from the point of view of clues to the meaning is one of the methods of usuliyat al-lughawiyat in the science of usul al-fiqh that has been used by scholars as a guideline to analyze a law in Islam. The question is, what is the method of word analysis that is taken into account from the point of view of clues to the meaning in the science of usul al-fiqh according to the Hanafi School of Thought? How does the method of word that is taken into account from the point of view of clues on meaning function as the law of Islamic -based research methods (KPBI)? The objective of this study is to identify the method of word analysis that is taken

¹ Pusat Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

Corresponding Author:

Nur Sakiinah Ab Aziz, Pusat Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA

*e-mel: sakiinah@unisza.edu.my

into account from the point of view of clues on the meaning according to the Hanafi School of Thought. Next, applying the method of word analysis that is taken into account from the point of view of clues on meaning in the analysis of KPBI. This is a qualitative study by collecting documents related to the method of word analysis that is taken into account from the point of view of clues on the meaning according to the Hanafi School of Thought that found in the books of *usul al-fiqh*. All these data were analyzed using the method of comprehension by analyzing the data using literal and implicit methods related to the word analysis which is taken into account from the point of view of word analysis on the meaning. The results of this study show that, the word analysis that is taken into account from the point of view on the meaning according to the opinion of the Hanafi School of Thought is divided into four types, namely '*ibarat al-nas, isyarat al-nas, dilalat al-nas and dilalat iqtida*'. These four types are suitable as KPBI analysis methods.

Keywords:

Word analysis on meaning, Islamic-based research method.

Cite This Article:

Kasimah Kamaruddin & Nur Sakiinah Ab Aziz. 2021. Aplikasi Kaedah Analisis Lafaz yang Diambil Kira dari Sudut Kaedah Petunjuk pada Makna dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(4): 63-76.

Pengenalan

KPBI didefinisikan sebagai kaedah penyelidikan yang berteraskan ilmu Islam. KPBI merupakan gabungan antara ilmu *daruri* dengan dalil '*aqli* dan ilmu *nazari* dengan dalil *naqli*. Kedua ialah kaedah penyelidikan tersebut hendaklah berpaksikan tasawur dan epistemologi Islam (Muhammad Syukri Salleh, 2008:136-137; Mohd Syahmir Alias, 2016). Sesuatu data tidak akan memberikan sebarang maklumat yang berguna mengenai sesuatu masalah yang dikaji sekiranya tidak dianalisis dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu (Mohd Majid Konting, 1990:309). Disebabkan nas al-Qur'an dan Hadith dalam Bahasa Arab, maka setiap mujtahid perlu mengetahui kaedah kebahasaan secara khusus. *Usuliyyin* berusaha memperjelaskan kaedah-kaedah ini setelah mereka mengkaji uslub-uslub Bahasa Arab, penggunaan lafaz dalam makna, petunjuk lafaz dalam makna dan sebagainya. Dalam Islam telah terdapat kaedah analisis hukum melalui kaedah petunjuk lafaz pada makna menurut pendapat Mazhab Hanafi yang terbahagi kepada empat jenis iaitu '*ibarat al-nas, isyarat al-nas, dilalat al-nas dan dilalat iqtida*' (Zaydan, 1976: 277; al-Zuhayliy, 1986:202). Kajian ini memilih pandangan Mazhab Hanafi sahaja kerana pembahagian setiap bentuk kaedah *usuliyyat al-lughawiyyat* lebih terperinci dan mendalam. Selain itu, pendekatan yang digunakan oleh Mazhab Hanafi bersesuaian kerana setiap sifatnya yang amali dengan melakukan kajian terhadap amalan-amalan yang dilaksanakan terhadap cabang-cabang fiqh daripada imam-imam mazhab dan mengeluarkan undang-undang serta kaedah usul mengikut perkara yang diambil kira oleh imam-imam tersebut dalam istinbat hukum. Oleh itu, cara ini dapat memastikan bahawa kaedah-kaedah usul dapat diguna pakai dalam cabang fiqh mazhab selain menyokong cara yang digunakan oleh Imam-imam mereka dalam berijtihad. Maka, cara ini lebih sesuai untuk cabang fiqh dan lebih berkait dengan fiqh ('Ali Jum'at Muhammad, 2006:28). Justeru kajian ini bertujuan menganalisis dan mengaplikasi kaedah analisis lafaz yang diambil kira dari sudut kaedah petunjuk pada makna sebagai salah satu kaedah analisis hukum bagi KPBI.

Sorotan Literatur

Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam

KPBI ialah satu kaedah penyelidikan dari perspektif sains kemasyarakatan Islam yang dibina berteraskan ilmu-ilmu *turath* Islam seperti ilmu akidah, ilmu usul al-fiqh, kaedah fiqh, proses penfatwaan, ilmu Hadith, ilmu tafsir, ilmu tajwid dan ilmu qiraat (Shahir Akram Hassan, 2017). Mohammad Anwar (1994:252) mendefinisikan kaedah penyelidikan Islam sebagai penyelidikan yang mencari jawapan kepada isu dan permasalahan berteraskan tiga sumber utama dalam Islam iaitu al-Qur'an, Hadith dan ijtihad. Manakala Fazlur Rehman Faridi (1994:62) pula mendefinisikan kaedah penyelidikan Islam sebagai penyelidikan saintifik yang berasaskan al-Qur'an dan al-Sunnah. Menurut Muhammad Syukri Salleh (2008:136-137) dan Mohd Syahmir Alias (2016) pula, KPBI didefinisikan sebagai kaedah penyelidikan yang berteraskan ilmu Islam termasuklah *usul al-fiqh* dan sebagainya. KPBI ialah apabila memenuhi tiga perkara asasnya iaitu gabungan antara ilmu *daruri* dengan dalil 'aqli dan ilmu *nazari* dengan dalil *naqli*. Kedua ialah kaedah penyelidikan tersebut hendaklah berpaksikan tasawur dan epistemologi Islam; dan ketiga kaedah tersebut digunakan oleh penyelidik Islam bagi menjalankan kajian berkaitan Islam dan orang Islam.

Kaedah Usul al-Fiqh Sebagai Kaedah Analisis Data KPBI

Terdapat beberapa kajian yang melihat kesesuaian ilmu *usul al-fiqh* sebagai kaedah analisis data KPBI. Kajian-kajian yang menjurus kepada ilmu *usul al-fiqh* sebagai kaedah analisis data terdiri daripada kajian Mahmood Zuhdi Abd Majid (2009), Mohd Syahmi Miswan (2014) dan Shahir Akram Hassan (2018) dan Fathullah al-Haq Muhammad Asni (2017). Mahmood Zuhdi Abd Majid (2009) mengemukakan beberapa bentuk aplikasi kaedah *usul fiqh* untuk dijadikan kaedah menganalisis data. Pertama, kaedah penganalisan teks yang digunakan secara meluas di bawah tajuk *qawa'id al-tafsir* bagi mentafsir nas-nas al-Qur'an dan al-Sunnah. Kedua, mekanisme *qiyas* yang boleh diaplikasikan sebagai kaedah analisis perbandingan yang digunakan bagi tujuan ijtihad dalam kes-kes yang tidak ada ketentuan hukum berdasarkan nas al-Qur'an atau Hadith atau ijmak. Mohd Syahmi Miswan (2014) mengkaji kesesuaian pengaplikasian kaedah *dilalat* dalam *usul fiqh* sebagai kaedah analisis data penyelidikan Islam. Beliau mengetengahkan dua kaedah *dilalat* iaitu *mafhum muwafaqat* dan *mafhum mukhalafat*. Dengan menggunakan kaedah ini, maka dapat menganalisis ayat-ayat yang tersurat dan juga tersirat dalam teks.

Fathullah al-Haq Muhammad Asni (2017) menjelaskan dalam kajiannya menganalisis mengenai metodologi yang digunakan oleh al-Syatibiy dalam kaedah *usul al-fiqh*. Beliau memilih al-Syatibiy kerana al-Syatibiy merupakan salah seorang ulama yang terkenal dalam bidang perundangan Islam. Antaranya kaedah yang dianalisis ialah kaedah *al-amr* dan *al-nahiy*, *mafhum muwafaqat* dan *al-ta'arud baina al-adillat*. Hasil kajian menunjukkan elemen yang paling utama yang diterapkan oleh al-Syatibiy dalam mengukuhkan kaedah usul ialah dengan menggunakan kaedah *maqasid al-syari'at*. Maka teori yang dikemukakan oleh al-Syatibiy sesuai diterapkan dalam kaedah pengeluaran fatwa di Malaysia. Selain itu, Shahir Akram

Hassan (2018) menonjolkan aplikasi kaedah analisis berdasarkan *tarjih*. Terdapat dua teknik yang dikemukakan untuk dijadikan sebagai kaedah analisis berdasarkan kaedah *tarjih* iaitu *tarjih baina al-nusus* sebagai teknik saringan dan *tarjih baina al-aqsiyat* sebagai teknik perbandingan data.

Seterusnya Shahir Akram Hassan (2018) juga mengemukakan kaedah analisis berdasarkan kaedah pembuktian *dilalat*. Kajian Mohd Syahmi Miswan (2014) dan juga Shahir Akram Hassan (2018) adalah berasaskan *dilalah*. Persamaan kajian Shahir Akram Hassan (2018) dan Mohd Syahmi Miswan (2014) menekankan bahawa kaedah analisis *dilalat* sesuai digunakan untuk menganalisis teks-teks berkaitan Islam dan orang Islam berbanding dengan analisis tekstual dan analisis kandungan yang telah digunakan sebelum ini, malah pembahagian *dilalah* lebih besar dan luas berbanding analisis tekstual KPL. Kaedah analisis kandungan KPL hanya terbahagi kepada dua bentuk iaitu kandungan tersurat atau ketara (*manifest content*) dan kandungan tersirat atau tidak ketara (*latent content*). Maka, data yang dianalisis menggunakan kaedah analisis tekstual *dilalah* dapat menambahkan keyakinan penyelidik terhadap ketepatan dan kejelasan data khususnya kajian berkaitan dengan Islam. Kajian Shahir Akram Hassan (2018) dan Mohd Syahmi Miswan (2014) juga mengemukakan langkah-langkah analisis data *dilalah* iaitu pertama, kenal pasti pernyataan yang relevan, kedua, mentafsir pernyataan, ketiga, mengelaskan pernyataan mengikut konteks perbincangan, keempat, penetapan kaedah tema dan konsep umum dan terakhir menyusun secara sistematik kaedah, tema dan konsep yang telah ditetapkan. Hasil daripada perbincangan kajian-kajian lepas, didapati kajian berkaitan kaedah *usuliyah al-lughawiyah* secara mendalam masih kurang dikaji. Walaupun terdapat beberapa kajian yang membincangkan bentuk-bentuk kaedah istinbat seperti kajian Yasid Moni (2003) dan Mohd Syahmi Mohd Miswan (2014), namun pengkaji di atas tidak membincangkan aplikasi kaedah analisis lafaz pada makna sebagai kaedah analisis hukum KPBI.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian analisis dokumen kaedah petunjuk lafaz pada makna menurut pendapat Mazhab Hanafi yang merupakan salah satu daripada kaedah *usuliyah al-lughawiyah*. Data-data dikumpul melalui kitab-kitab *usul al-fiqh* Mazhab Hanafi. Kesemua data-data ini dianalisis menggunakan kaedah *mafhum* iaitu dengan menganalisis data menggunakan kaedah tersurat dan tersirat yang berkaitan kaedah *usuliyah al-lughawiyah*. Louy Safi (1998) dan Mohd Syahmi Mohd Miswan (2013) telah mengemukakan empat langkah dalam menganalisis teks dari sumber wahyu mahupun bukan dari sumber wahyu dengan menggunakan elemen *mafhum*. Pertama, mengenal pasti pernyataan yang relevan; kedua, penafsiran pernyataan; ketiga, penjelasan pernyataan; dan keempat penetapan kaedah dan konsep umum serta menyusun secara sistematik kaedah dan konsep yang ditetapkan.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Lafaz yang diambil kira dari sudut kaedah petunjuk lafaz pada makna menurut pendapat Mazhab Hanafi terbahagi kepada empat jenis iaitu '*ibarat al-nas, isyarat al-nas, dilalat al-nas dan dilalat iqtida*'.

a. *'Ibarat al-Nas*

'Ibarat al-nas ialah penunjuk lafaz pada hukum yang sememangnya dimaksudkan oleh perkataan tanpa memerlukan penelitian terlebih dahulu, sama ada penunjuk itu berlaku secara sengaja atau tidak sengaja (al-Sarakhsiy, 1993: 236; al-Bazdawiy, 1995: 68). Seperti firman Allah SWT:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ

Maksudnya: “Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba” (al-Baqarah, 2:275)

Tanpa memerlukan penelitian yang mendalam, susunan kata dalam ayat tersebut jelas menunjukkan dua makna iaitu pertama, menafikan adanya persamaan antara jual beli dan riba. Hal ini kerana jual beli dan riba adalah dua perkara yang berbeza. Kedua, keharusan melakukan jual beli dan haram riba (al-Sarakhsiy, 1993:236). Kedua-dua makna di atas sama-sama dikehendaki oleh susunan kata dalam ayat. Bezanya, makna pertama dikehendaki oleh ayat secara disengajakan memandangkan ayat tersebut turun untuk menjawab anggapan mereka yang menyamakan jual beli dan riba. Manakala makna kedua dikehendaki oleh ayat secara tidak disengajakan memandangkan makna ini merupakan ketetapan logik daripada makna pertama (al-Sarakhsiy, 1993:236; al-Bazdawiy, 1995:68).

b. *Isyarat al-Nas*

Isyarat al-nas ialah penunjuk lafaz pada hukum yang sesungguhnya tidak dimaksudkan, namun ada kesesuaian makna yang mesti dimiliki (al-Sarakhsiy, 1993:236; al-Bazdawiy, 1995:68). Ibarat orang yang melihat sesuatu benda, dia dapat melihat benda yang lain dengan menggunakan isyarat yang dimiliki (al-Bazdawiy, 1995:68). Jelas di sini menunjukkan bahawa hukum yang diperoleh daripada *'ibarat al-nas* sememangnya dimaksudkan oleh perkataan, manakala hukum yang diperoleh daripada *isyarat al-nas* tidaklah dimaksudkan oleh perkataan, namun ada kesesuaian antara hukum dengan perkataan itu. Seperti firman Allah SWT:

وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

Maksudnya: “dan kewajiban bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya” (al-Baqarah, 2:233).

Menurut al-Zuhayliy (1991:357-367), Surah al-Baqarah ayat 233 menjelaskan bahawa Allah SWT telah menetapkan tempoh penyusuan selama dua tahun genap seandainya kedua ibu bapa tersebut bersetuju melakukan demikian. Ayat ini khusus kepada isteri yang telah diceraikan yang memiliki anak hasil perkongsian hidup dengan suami mereka. Mereka lebih berhak menyusukan anak sendiri daripada wanita lain yang ajnabi. Seandainya masih belum bercerai, kewajiban memberi nafkah oleh suami adalah disebabkan tanggungjawab rumahtangga bukan kedudukan sebagai bapa kepada anak. Perkataan *al-walidah* merujuk kepada semua ibu yang telah diceraikan atau belum diceraikan berpandukan keumuman ayat tersebut.

Menurut al-Zuhayliy (1991: 357-367) lagi, kewajiban bapa memberi nafkah kepada anak. Allah SWT mewajibkan bapa memberikan nafkah kepada isteri yang telah diceraikan yang masih menyusukan anak. Nafkah tersebut hendaklah ditunaikan kerana anak adalah insan yang lemah dan tidak berupaya. Bapa adalah orang yang paling layak memberi nafkah kerana paling hampir dengan anak. Tempoh penyusuan selama dua tahun adalah tempoh untuk menerangkan tempoh maksimum yang menjadi rujukan sekiranya berlakunya perselisihan. Sekiranya ibubapa tersebut bersetuju memberhentikan penyusuan sebelum genap dua tahun atau melebihi tempoh dua tahun demi kepentingan anak, ia tidak menjadi kesalahan sekiranya ada masalah dibaliknya dan tidak memudaratkan. Ulama merumuskan tempoh minimum penyusuan daripada ayat berkenaan. Mereka menyatakan bahawa jika ditolak tempoh menyusu daripada 30 bulan maka yang tinggal ialah enam bulan. Maka inilah tempoh mengandung yang paling minimum seperti mana yang dijelaskan dalam firman Allah Taala:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ إِحْسَانًا ۚ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ كُرْهًا وَوَضَعَتْهُ كُرْهًا ۚ وَحَمَلُهُ وَفِصَالُهُ ثَلَاثُونَ شَهْرًا

Maksudnya: “Dan kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung susah payah dan telah melahirkannya dengan menanggung susah payah. sedang tempoh mengandungnya berserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan)” (al-Ahqaf, 46:15)

Menurut al-Tabariy (2005:7405-7408), Surah al-Ahqaf ayat 15 menjelaskan bahawa Allah SWT memerintahkan supaya berbuat baik kepada kedua ibu bapa ketika mereka masih hidup dan berbakti kepada keduanya ketika masih hidup dan meninggal dunia kerana sejak hamil, lahir hingga dewasa manusia diasuh oleh orang tua. Kemudian Allah menjelaskan budi seorang ibu terhadapnya dengan bebanan berat yang ditanggungnya ibu saat hamil hingga melahirkan anak. Mengandungkannya sehingga melahirkannya dan menyusukannya dalam tempoh 30 bulan. Seterusnya, firman Allah Taala berkaitan tempoh penyusuan dua tahun:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهْنًا عَلَىٰ وَهْنًا ۖ وَفِصَالُهُ فِي عَامَيْنِ أَنِ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ ۖ إِلَيَّ الْمَصِيرُ

Maksudnya: Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun (Luqman, 31:14).

Menurut al-Qurtubiy (1985:62-69) ayat ini menjelaskan bahawa perintah berbuat baik kepada kedua ibubapa. Para ulama juga bersepakat mengenai kadar dua tahun masa penyusuan kerana terkait dengan pengharaman kerana penyusuan.

أُحِلَّ لَكُمْ لَيْلَةَ الصِّيَامِ الرَّفَثُ إِلَىٰ نِسَائِكُمْ

Maksudnya: “Dihalalkan bagi kamu, pada malam hari puasa, bercampur (bersetubuh) dengan isteri-isteri kamu....” (al- Baqarat, 2:187).

Menurut al-Jazayriy (1987:138-140), ayat 187 Surah al-Baqarāṭ bermaksud dibolehkan persetubuhan di antara suami dan isteri kerana kedua-duanya saling memerlukan antara satu dengan yang lain daripada terbenam matahari sehingga terbit fajar. Ayat ini diturunkan kerana pada awalnya diwajibkan puasa bermula dari seorang tidur pada malam hari bukannya dari terbit fajar dan dari tempoh tersebut mereka dilarang makan, minum dan bersetubuh dengan isterinya. Kemudian beberapa orang telah memberitahu Rasulullah SAW dan memaklumkan bahawa mereka telah bersetubuh dengan isteri. Maka bertitik tolak dari hal itu, Allah Taala menurunkan ayat ini yang membenarkan makan, minum dan bersetubuh daripada terbenam matahari sehingga terbit fajar.

Makna *'ibarat al-nas* daripada ayat di atas ialah dibolehkan melakukan jimak sepanjang bulan Ramadan. Manakala makna dari sudut *isyarat al-nas* ialah dibolehkan orang yang berpuasa berada dalam keadaan hadas besar (junub) pada waktu pagi setelah terbit fajar. Secara isyarat, dibolehkan jimak sehingga terbit fajar pada bulan Ramadan sekiranya menunjukkan bahawa sebaik sahaja terbit fajar dia masih dalam keadaan junub. Makna seperti ini, tidaklah dimaksudkan oleh susunan kata dalam ayat. Tetapi diperoleh daripada isyarat dalam memahami makna ayat secara lebih mendalam lagi (Ibn al-'Arabiyy, t.t:134; al-Qurtubiy, 1981:294).

c. *Dilalat al-Nas*

Dilalat al-nas ialah penunjuk lafaz bahawa hukum yang terkandung dalam teks secara tersurat berlaku pula untuk teks secara tersirat. Hal ini kerana wujud persamaan *'illat* antara kedua-duanya dapat difahami dari segi bahasa bahawa tanpa memerlukan penelitian ataupun ijtihad. Sama ada hukum daripada teks yang tersirat itu sama darjatnya atau lebih tinggi apabila dibandingkan dengan hukum yang terkandung dalam teks yang tersurat (al-Sarakhsiy, 1993:241; al-Bazdawiy, 1995:73). Contohnya dijelaskan dalam firman Allah SWT:

فَلَا تَقُلْ هُمَا أَهٌّ وَلَا تَنْهَرُهُمَا وَقُلْ هُمَا قَوْلًا كَرِيمًا

Maksudnya: Maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “ah”, dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun (al-Isra',17: 23)

Menurut Ibn Kathir (1970: 298-300), ayat 23 Surah al-Isra' ini menjelaskan bahawa larangan berkata kasar kepada kedua ibu bapa iaitu dengan ucapan 'ah' iaitu ucapan yang paling minimum kekasarannya. Maka Allah SWT memerintahkan supaya berkata dan berlaku baik kepada kedua ibubapa. Daripada definisi tersebut, hasil kajian hukum daripada *dilalat al-nas* diperoleh melalui proses pemahaman makna etimologi bukan proses ijtihad ataupun istinbat (al-Sarakhsiy, 1993:241; al-Bazdawiy, 1995:73). Memandangkan hukum daripada *dilalat al-nas* ini diperoleh melalui pemahaman makna (bukan lafaz), maka sesetengah ulama menyebut *dilalat al-nas* sebagai *dilalat al-dalalat*. Majoriti mereka menyebutnya *fahwa al-khitab*, manakala yang lainnya menyatakan *lahn al-khitab*. Perbezaan nama ini sesungguhnya dapat dimaklumi kerana perkataan *fahwa* dan *lahn* sendiri mempunyai erti yang sama, iaitu 'makna' (al-Sarakhsiy, 1993:241-243; al-'Amidiy, 95-97).

d. *Iqtida' al-Nas*

Dilalat iqtida' ialah penunjuk lafaz pada makna lain di luar teks, yang mana kebenaran lafaz itu sendiri sangat bergantung pada makna lain tersebut. Dengan demikian, asalnya lafaz tersebut tidak menunjukkan pada makna yang dimaksudkan di atas. Namun kebenaran isi lafaz (perkataan) memerlukan adanya makna tersebut. Makna *al-iqtida'* itu sendiri memberi erti meminta atau menghendaki (al-Sarakhsiy, 1993:248), iaitu menghendaki pentakwilan makna daripada luar hingga isi perkataan dapat dinilai sebenar menurut akal dan syarak (al-Zuhayliy, 1986:356) seperti mana firman Allah Taala:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أُمَّهَاتُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ وَأَخَوَاتُكُمْ وَعَمَّاتُكُمْ وَخَالَاتُكُمْ وَبَنَاتُ الْأَخِ وَبَنَاتُ الْأُخْتِ وَأُمَّهَاتُكُمْ
الَّتِي أَرْضَعْنَكُمْ وَأَخَوَاتُكُمْ مِنَ الرَّضْعَةِ وَأُمَّهَاتُ نِسَائِكُمْ وَرَبَائِبُكُمُ الَّتِي فِي حُجُورِكُمْ مِنْ نِسَائِكُمُ الَّتِي
دَخَلْتُمْ بِهِنَّ فَإِنْ لَمْ تَكُونُوا دَخَلْتُمْ بِهِنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ وَخَالَاتُكُمُ الَّتِي أَنْبَأْتِكُمُ الَّذِينَ مِنْ أَصْلَابِكُمْ وَأَنْ
تَجْمَعُوا بَيْنَ الْأُخْتَيْنِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَحِيمًا

Maksudnya: Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan (perempuan-perempuan yang berikut): ibu-ibu kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan saudara-saudara bapa kamu, dan saudara-saudara ibu kamu dan anak-anak saudara kamu yang lelaki, dan anak-anak saudara kamu yang perempuan, dan ibu-ibu kamu yang telah menyusukan kamu, dan saudara-saudara susuan kamu, dan ibu-ibu isteri kamu, dan anak-anak tiri yang dalam pemuliharaan kamu dari isteri-isteri yang kamu telah campuri; tetapi kalau kamu belum campuri mereka (isteri kamu) itu (dan kamu telah pun menceraikan mereka), maka tiadalah salah kamu (berkahwin dengannya). dan (haram juga kamu berkahwin dengan) bekas isteri anak-anak kamu sendiri Yang berasal dari benih kamu. dan diharamkan kamu menghimpunkan dua beradik sekali (untuk menjadi isteri-isteri kamu), kecuali yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani (al-Nisa', 4:23).

Menurut al-Tabariy (2005: 2295-2300), Surah al-Nisa' ayat 23 menjelaskan hukum mengahwini ibu-ibumu. Perkataan kahwin tidak disebutkan kerana kata-kata itu telah ditunjukkan oleh pembicara. Semua wanita yang dijelaskan adalah diharamkan untuk dinikahi oleh seseorang lelaki menurut ijmak seluruh umat. Hukum daripada keempat-empat lafaz di atas (*'ibarat al-nas, isyarat al-nas, dilalat al-nas dan al-iqtida' al-nas*) bersifat *qat'i* kecuali jika terdapat perkara-perkara lain yang dapat mengalihkan kandungan hukumnya menjadi *zanni* seperti jika berlaku *takhsis* atau takwil pada lafaz-lafaz tersebut. *'Ibarat al-nas* dan *isyarat al-nas* mempunyai indikasi hukum *qat'i* kerana makna yang terkandung dalamnya dapat diperoleh daripada lafaz itu sendiri, adapun *dilalat al-nas*, disebabkan hukum yang terkandung dalamnya dapat diperoleh melalui pemahaman '*illat* secara bahasa, manakala perkara yang diperoleh melalui bahasa adalah *qat'i* pula. Sedangkan sifat *qat'i* dalam *al-iqtida' al-nas* disebabkan kebenaran perkataan dan kesahihan maknanya bergantung kepada indikasi hukum lafaz ini (al-Zuhayliy, 1986:357).

Adapun mana-mana lafaz yang paling kuat penunjuk hukumnya adalah mengikut urutan keempat-empat lafaz tersebut. ‘*Ibarat al-nas*’ misalnya lebih kuat berbanding dengan *isyarat al-nas* kerana pertama, penunjuk maknanya memang dimaksudkan oleh susunan bahasa, manakala yang kedua penunjuk maknanya tidak dimaksudkan oleh susunan bahasa. Begitu pula *isyarat al-nas* lebih kuat berbanding *dilalat al-nas* sebab yang pertama penunjuk maknanya melalui lafaz walaupun tidak dimaksudkan secara tersirat, manakala yang kedua penunjuk maknanya melalui pemahaman lafaz. Walau bagaimanapun, *dilalat al-nas* masih lebih kuat jika dibandingkan dengan *dilalat al-Iqtida’*. Hal ini kerana, jika penunjuk makna *dilalat al-nas* masih dapat diperoleh melalui pemahaman lafaz, maka *al-iqtida’ al-nas* memerlukan perkara luar yang tidak kena mengena dengan lafaz itu sendiri agar perkataan menjadi benar serta makna sahih (al-Zuhayliy, 1986:357).

Analisis dan Aplikasi Kaedah Petunjuk Lafaz pada Makna

Kaedah analisis kefahaman makna dalam teks berdasarkan *dilalat*. Analisis sesuatu teks atau dokumen bukan hanya bergantung sahaja kepada elemen lafaz semata-mata bahkan memerlukan kefahaman dari sudut makna teks atau dokumen tersebut. Kaedah petunjuk hukum pada makna terbahagi kepada empat kaedah iaitu *ibarat al-nas*, *isyarat al-nas*, *dilalat al-nas* dan *dilalat iqtida’*. Aplikasi kaedah petunjuk hukum pada makna sepertimana ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Aplikasi Kaedah Petunjuk lafaz pada Makna

Bil.	Bentuk Analisis	Teks Ayat Hukum	Rumusan	Teks KPBI	Rumusan
1.	<i>‘Ibarat al-Nas</i> (Teks dianalisis melalui lafaz yang tersurat dalam teks)	Tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan " (Ahqaf, 46 :15). “Tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun” (Luqman, 31:14)	Tempoh menceraikan susunya adalah 30 bulan. Tempoh penyusunan adalah dua tahun.	Muzakarah telah memutuskan bahawa vaksin untuk Imunisasi Hepatitis B yang dihasilkan daripada ragi adalah tidak najis dan harus digunakan untuk tujuan tersebut kerana ragi adalah suatu bahan yang suci (Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia).	Muzakarah telah memutuskan bahawa vaksin untuk Imunisasi Hepatitis B yang dihasilkan daripada ragi adalah tidak najis. Harus digunakan untuk tujuan tersebut Ragi adalah suatu bahan yang suci.

2.	<p><i>Isyarat al-Nas</i></p> <p>(Teks dianalisis secara tersirat daripada teks)</p>	<p>Tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan. " (Ahqaf, 46 :15).</p> <p>“Tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun” (Luqman, 31:14)</p>	<p>Kedua-dua ayat ini difahami dengan cara isyarat iaitu tempoh yang paling minimum hamil adalah 6 bulan berdasarkan isyarat kedua-dua nas.</p>	<p>Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-22 yang bersidang pada 24 Nov 1988 telah membincangkan Imunisasi Hepatitis B. Muzakarah telah memutuskan bahawa vaksin untuk Imunisasi Hepatitis B yang dihasilkan daripada ragi adalah tidak najis dan harus digunakan untuk tujuan tersebut kerana ragi adalah bahan yang suci.</p>	<p>Bahan-bahan imunisasi yang tidak suci dan najis adalah diharamkan.</p>
3.	<p><i>Dilalat al-nas</i></p> <p>(Difahami melalui makna teks bukan dari lafaz. Makna tersebut selaras dengan apa yang dimaksudkan oleh teks)</p>	<p>“Jangan kamu berkata ah” (al-Isra’, 17: 23).</p>	<p>Dilarang berkata ah kepada kedua ibubapa kerana menyakitkan hati ibubapa Dilarang juga memukul ibubapa kerana menyakitkan hati ibubapa. Memukul ibubapa lebih utama dilarang daripada</p>	<p>1)Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-22 yang bersidang pada 24 Nov 1988 telah membincangkan Imunisasi Hepatitis B. Muzakarah telah memutuskan bahawa vaksin untuk Imunisasi Hepatitis B yang dihasilkan daripada ragi adalah tidak najis dan harus digunakan untuk tujuan tersebut kerana ragi adalah suatu bahan yang suci.</p>	<p>1)Imunisasi hepatitis B adalah harus 2) Imunisasi vaksin pelalian <i>rubella</i> juga adalah harus 3)Kedua-dua imunasasi ini adalah harus kerana tidak najis dan suci</p>

			berkata ah kerana lebih menyakitkan ibubapa.	2) bahan yang digunakan dan proses pembuatan, persediaan vaksin dan bahan penstabil dalam imunisasi Vaksin pelalian Rubela adalah tidak najis.	
4.	<i>Iqtida' al-Nas</i> (Makna lafaz difahami dengan ditakdirkan dengan lafaz yang lain yang tidak terdapat pada teks)	Haram ke atas kamu ibu kamu, anak perempuan kamu” (al-Nisa’:4:23).	Haram ke atas kamu menikahi ibu kamu..... Yang diharamkan bukan ibu akan tetapi yang diharamkan adalah perbuatan nikah tersebut.	“Harus digunakan untuk tujuan tersebut kerana ragi adalah suatu bahan yang suci”.	Harus digunakan untuk tujuan tersebut Apakah yang diharuskan? imunisasi hepatitis b. Apakah tujuan tersebut? Vaksin <i>Taqdir</i> ayat ini ialah imunisasi hepatitis B adalah diharuskan bagi tujuan vaksin.

Jadual 1 menunjukkan keempat-empat contoh aplikasi kaedah petunjuk lafaz pada makna yang terdiri daripada kaedah *‘ibarat al-nas, isyarat al-nas, dilalat al-nas* dan *iqtida’ al-nas*. Keempat-empat bentuk kaedah ini dapat diaplikasikan kepada teks yang berbentuk hukum dan juga dokumen kajian-kajian KPBI yang lain. Kaedah ini asalnya digunakan bagi menganalisis lafaz-lafaz yang tersurat dan tersirat dalam al-Qur’an. Kaedah ini adalah kaedah terakhir setelah lafaz-lafaz dianalisis dengan melihat kepada penggunaan lafaz pada makna, kedudukan lafaz pada makna dan petunjuk lafaz pada makna. Kaedah *‘ibarat al-nas* digunakan bagi menganalisis teks yang tersurat, berbeza dengan kaedah *isyarat al-nas* pula digunakan bagi menganalisis teks yang tersirat. Bagi kaedah *dilalat al-nas* dapat diaplikasikan bagi menganalisis makna yang tersirat tetapi masih bersesuaian dengan lafaz teks. Seterusnya kaedah *iqtida’ al-nas* digunakan bagi menganalisis makna teks dengan menambah lafaz yang tertentu bagi memahami maksud teks tersebut.

Kesimpulan

Berdasarkan keseluruhan perbincangan dalam kertas kerja ini, keempat-empat jenis kaedah petunjuk lafaz pada makna menurut Mazhab Hanafi terdiri daripada kaedah *'ibarat al-nas, isyarat al-nas, dilalat al-nas* dan *iqtida' al-nas* sesuai diaplikasikan sebagai kaedah analisis hukum KPBI. Kajian ini memilih pandangan Mazhab Hanafi kerana pembahagian setiap bentuk kaedah *usuliyyat al-lughawiyat* lebih terperinci dan mendalam. Selain itu, pendekatan yang digunakan oleh Mazhab bersesuaian kerana setiap sifatnya yang amali dengan melakukan kajian terhadap amalan-amalan yang dilaksanakan terhadap cabang-cabang fiqh daripada imam-imam mazhab dan mengeluarkan undang-undang serta kaedah usul mengikut perkara yang diambil kira oleh imam-imam tersebut dalam istinbat hukum.

Rujukan

- Abidin. (2018). Metode istinbat dalam hukum Islam. *Bilancia*. 12(2). 297-319.
- Al-Āmidīy, Sayf al-Dīn Abū al-Hasan 'Alī Ibn Abī 'Alī Ibn Muhammad. (1980). *Al-Ihkām fi Usūl al-Ihkām*. Jld. 3. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Al-Bazdawīy, 'Alī bin Muhammad bin 'Abd al-Karīm bin Mūsā. (1995), *Usul al-Bazdawiy*, Dicitak di tepi al-Bukhari.
- Al-Jazayriy, Abi Bakr Jabir. (1987). *'Aisar al-Tafasir*. (Jld.1). Dar al-Sunnah.
- Al-Qurtubiy, Muhammad Ibn Ahmad. (1985). *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. (Jld. 14 & 20). Beirut: Muassasat al-Risalat.
- Al-Qurtubiy, Muhammad Ibn Ahmad. (1987). *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. (Jld. 11). Beirut: Muassasat al-Risalat.
- Al-Qurtubiy, Muhammad Ibn Ahmad. (2010). *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. (Jld. 3-4: 9-10). Beirut: Muassasat al-Risalat.
- Al-Sarakhsiy, Abu Bakr Muhammad bin Ahmad bin Abi Sahl. (1993). *Usul al Sarakhsiy*. (Jld. 1 & 2). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyat.
- Al-Tabariy, Muhammad Ibn Jarir. (2009). *Tafsir al-Tabariy*. (Jld. 11 & 12). Kaherah: Markaz al-Buhuth li al-Dirasat al-'Arabiyyah wa al-Islamiyyat.
- Al-Zuhayliy, Wahbat. (1991). *Tafsir al-Munir*. (Jld. 1-2). Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhayliy, Wahbat (1986). *Usul al-Fiqh al-Islamiy*, Damsyik : Dar al-Fikr.
- 'Ali Jum'at Muhammad. (2002). *Al-Hukm al-Syar'iy 'inda al-Usuliyyin*. Cet 1. Kaherah: Dar al-Kutub al-Hadithat.
- Bhasah Abu Bakar. (2007). *Kaedah analisis data penyelidikan ilmiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Chua Yan Piaw (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Ibn Kathir. (1970). *Tafsir al-Qur'an al-'azim* (Jld. 1,2,3,4 & 5). Riyadh: Dar Taybah.
- Idris Awang. (2009). *Kaedah penyelidikan: Satu sorotan*. Selangor: Intel Multimedia and Publication.

- Fathullah al-Haq Muhammad Asni. (2017). Al-Syatibi methodology analysis in the unification of usul al-fiqh methods, dalam *International Journal of Academic Research in Business and Social sciences*, 7(7). 260-268.
- Fazlur Rahman Faridi. (1994). *Islamic methodology in history*. India: Delhi.
- Liamputtong, P (2009). *Performing qualitative cross-cultural research*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Louay Safi. (1998). *Asas-asas ilmu pengetahuan satu kajian perbandingan kaedah- kaedah penyelidikan Islam dan Barat*. Selangor: Thinker Library.
- Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. (2009). Aplikasi kaedah usul fiqh dalam penyelidikan. *Wacana Penyelidikan ISDEV IV*, Bilik latihan Institut Pengajian Sisiwazah, Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang.1-7.
- Mohd Syahmi Mohd Miswan (2014) Mohd Syahmi Mohd Miswan (2014). *Dilalat dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam*. Disertasi Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan yang diserahkan kepada Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, (tidak diterbitkan).Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Syahmir Alias. (2016). Elemen Tunjang Dalam Wacana Dalam Penyelidikan Bebas Nilai: Analisis Dari Perspektif Islam dalam Mencari Metodologi Penelitian Islam oleh Pusat Kajian Pembangunan Islami Universitas Jember dengan Pusat Kajian Pengurusan dan Pembangunan Islam (ISDEV).
- Mohammad Anwar. (1994). Research methodology in Islamic Perspective, dalam Mohammad Muqim (ed), *Research Methodology In Islamic Perspective*. New Delhi: Institute of Objective Studies.
- Muhammad Syukri Salleh. (2010). Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam: Keperluan, Kedudukan dan Hala Tuju. *Pemikir* (54, Oktober-Disember), 133-164.
- Muhammad Syukri Salleh. (2008). "Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam: Keperluan, Kedudukan dan Hala Tuju". *Pemikir*, Bil. 54, Oktober-Disember. hlm. 133-164. Diterbitkan Semula Dalam Siri Kertas ISDEV No. 8.
- Sekaran, U. & Bougie RR. (2013). *Research methos of business a skill building approach*. United Kingdom: John Willey & Sons Ltd.
- Shahir Akram Hassan. (2018). Kaedah pembuktian dilalat. *Nota Bengkel Penyelidikan dalam Islam*. Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS): Kelantan.
- Shahir Akram Hassan. (2018). Kaedah analisis tarjih. *Nota Bengkel Penyelidikan dalam Islam*. Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS): Kelantan.
- Shahir Akram Hassan. (2017). Pembinaan kaedah penyelidikan Islam berdasarkan disiplin-disiplin ilmu, dalam *Epistemologi Islam dalam Menemukan Kembali Paradigma Pembangunan Islami* oleh Pusat Kajian Pembangunan Islami Universitas Jember dengan Pusat Kajian Pengurusan dan Pembangunan Islam (Isdev).
- Yasid Moni. (2003). Metode Pentafsiran Nas Menurut Mutakalimmun dan Ahnaf:

Satu Analisis. Disertasi Ijazah Doktor Falsafah Syariah yang disediakan kepada Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, (tidak diterbitkan). Kuala Lumpur:Universiti Malaya.

Zaydan, 'Abd al-Karim. (1976). *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Muassah al-Risalah.